# KATA PENGANTAR

الحمد لله رب العالمين. والصلاة والسلام على سيدنا محمد وعلى آله وأصحابه وأتباعه ومن دعا بدعوته واتبع طريقته إلى يوم الدين.

Segala puji bagi Allah s.w.t., selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w. jua para sahabat dan "tabi$^{c}$in", seterusnya kepada para muslimin dan muslimat.

Bersyukur ke hadhrat Allah s.w.t., atas hidayah dan inayah-Nya yang dicurahkan kepada hamba-Nya yang serba kekurangan ini, hingga berkeyakinan dan berkeupayaan untuk menyiapkan tugas yang telah dipertanggung-jawabkan. Juga diucapkan setinggi terima kasih kepada pihak Fakulti Usuluddin yang telah mengizinkan penulis membicarakan tajuk ini, lebih-lebih lagi buat Yang Berbahagia Ustazah Fatimah bt. Ali, yang telah memberikan bimbingan beliau hingga selesainya penulisan ini.

Langkah yang dijalankan oleh pihak Fakulti Usuluddin ini amat berharga sekali dan patut diteruskan kerana ia dapat membantu mengeluarkan mahasiswa dan mahasiswi yang berpengalaman dalam membuat penyelidikan dan penulisan. Penulis berharap usaha ini akan terus me-

ningkat dari semasa ke semasa.

Namun, sebagai seorang yang masih serba kekurangan, penulis meyakini bahawa masih banyak kekurangan dan kelemahan yang terdapat dalam kajian ini. Penulis bersedia menerima sebarang kritikan dan tunjuk-ajar yang membina, sebagai panduan di masa-masa yang akan datang.

Mudah-mudahan usaha yang sekecil ini dapat menjadi pembuka jalan kepada sesiapa sahaja, untuk meneruskan kajian yang lebih meluas lagi. Semuga ia menjadi amal bakti dalam mencapai keredhaan-Nya, serta memberi manafaat untuk semua pihak.

Wassalam.

Imi Raihanah bt Hashim,
Unit 10-A,Blok 10,
Asrama YPM,
Jalan Pantai Endah,
59100 Kuala Lumpur.

25hb.Januari.1990
28hbJamadil Akhir,1410